



BAB DUA

BAB KEDUA : AKHLAK REMAJA

2.1 Definisi Akhlak

Perkataan akhlak adalah jamak dari kata dasar Arab iaitu *al-khalq*. Ahli-ahli bahasa seperti Ibn. Manzur¹ dan Ibrāhīm Muṣṭafā² memberikan pengertian yang hampir sama iaitu akhlak dengan maksud perangai, tabiat, maruah, budi pekerti dan agama. Termasuk dalam pengertian di atas ialah sifat dan tabiat semulajadi yang memang sedia ada pada diri seseorang atau daripada sifat-sifat yang diusahakan dan dipelajari.³

Kamus Dewan pula menafsirkan akhlak dengan maksud budi pekerti, kelakuan, tabiat dan watak.⁴ Manakala Dr. Jamīl Salība menakrifkan akhlak sebagai adat kebiasaan, perangai, tabiat, maruah dan kehormatan serta fungsi agama. Ianya merupakan suatu sifat atau perbuatan yang terbit dari jiwa dengan mudah tanpa memerlukan pandangan fikiran serta tidak dengan paksaan.⁵

Moralis Islam yang terkenal , Ibn. Miskawaih mendefinisikan akhlak sebagai suatu keadaan jiwa yang menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa pertimbangan akal fikiran terlebih dahulu. Beliau kemudiannya memperincikan pengertian tersebut dengan ulasan bahawa keadaan jiwa seseorang

¹ Ibn. Manzur, (1956), *Lisān al-'Arab*, vol.3, Mesir :Mu'assasah al-Misriyyah al-'Ammah, di bawah perkataan *al-khalq*

² Ibrāhīm Muṣṭafā (t.t), *Mu'jam al-Wasīt*. Beirut : Maktabah al-Islāmiyyah, di bawah perkataan *al-khalq*

³ Abī Ṭāfiq al-Hāsyimī (1974), *Turūq Tadrīs al-Dīniy*. cet. 2, Beirut : Muassasah al-Risalah, h. 224

⁴ Teuku Iskandar (1989), *Kamus Dewan*. K.L. : DBP, h.19

⁵ Jamīl Salība (1982), *al-Mu'jam al-Falsafī*. juz. 4, Beirut : Dār al-Kitāb al-Lubnānī, h.539

itu terbahagi pula kepada dua keadaan iaitu pertamanya, jiwa yang dibentuk secara fitrah dan semulajadi seperti perasaan marah dan sedih serta yang keduanya, perasaan yang dibentuk melalui latihan dan kebiasaan. Termasuk dalam pengertian akhlak ialah perbuatan yang lahir daripada kedua-dua keadaan jiwa tersebut.⁶

Seterusnya Imam al-Ghazālī membuat takrifan yang hampir sama dengan apa yang dinyatakan oleh Ibn Miskawaih. Menurut beliau, akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang. Darinya terbentuk perbuatan dengan mudah, tanpa berkehendakkan pertimbangan akal fikiran terlebih dahulu. Menurut beliau lagi, jika keadaan ini melahirkan perbuatan yang baik, seperti perbuatan yang diterima oleh akal dan syarak ia dinamakan akhlak yang baik. Sebaliknya jika ia melahirkan perbuatan yang jahat maka ia dinamakan akhlak yang buruk. Oleh itu, bagi Imam al-Ghazālī, akhlak bukan pengetahuan atau kebolehan untuk melakukan sesuatu perbuatan tetapi ia sebenarnya adalah keadaan kejiawaan yang merupakan punca kepada wujudnya tingkahlaku.⁷

Bagi ahli fikir terkenal dewasa ini, Ahmad Amin, takrif akhlak ialah sifat kejiawaan (dalam) bukan lahiriah (luaran). Adapun perbuatan lahiriah dinamakan kelakuan atau muamalat di mana ianya merupakan gambaran atau bukti adanya sifat kejiawaan atau akhlak.⁸

⁶Ahmad bin Muhammad Ibn. Miskawaih (1996), *Tahdhīb al-Akhlaq wa Tathir al-'Arāq*. Beirut : al-Jami'ah al-Amirkiyah, h. 31

⁷Abū Hamid Muhammad bin Muhamad al-Ghazālī (1996), *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn*. vol. 2, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 57

⁸ Ahmad Amin (Dr.) (1974), *Kitāb al-Akhlaq*. Beirut : Dār al-Kitāb al-'Arabi, h.12

Dr. Yūsūf al-Qarađawi pula membuka ruang yang seluas-luasnya mengenai konsep akhlak dalam Islam. Beliau mengasingkan antara konsep akhlak yang bersifat diniyyah dan konsep akhlak Islamiyyah. Akhlak yang bersifat keagamaan didorong oleh kepatuhan dan ketaatan berdasarkan tuntutan syarak yang bukan keluar secara melulu dari jiwa insan. Manakala akhlak Islam terangkum pada ruang lingkup yang amat luas dan menjadi tabiat atau sifat kebiasaan manusia tersebut untuk diterjemahkan melalui perilakunya.⁹ Jelasnya akhlak Islam ialah yang terkandung dalam himpunan segala perkataan yang baik atau *al-birr*.¹⁰

Menurut Dr. Miqdad Yaljan pula, akhlak meliputi sifat-sifat semulajadi yang terdapat pada fitrah kejadian manusia dan sifat yang dimiliki oleh seseorang melalui latihan dan usaha yang berterusan sehingga menjadi kebiasaan kepada seseorang. Akhlak meliputi dua dimensi iaitu perlakuan dalaman (kejiwaan) dan juga perlakuan luaran yang dipancarkan melalui tingkah laku seseorang yang lahir dari sikap mereka sendiri tanpa tekanan emosi atau desakan dan paksaan orang lain.¹¹

Bertitik tolak dari pelbagai pengertian yang diutarakan di atas, dapatlah difahami bahawa ruang lingkup akhlak dalam Islam bukan hanya terbatas kepada sifat baik yang terjelma daripada perbuatan seseorang hasil daripada sifat semulajadinya ataupun latihan dan usaha yang berterusan semata-mata. Malahan terkandung dalam pengertian akhlak Islam adalah juga sifat dalaman yang wujud dalam diri

⁹ Yūsūf al-Qarađawi, (1989), *al-Khāṣṣat al-‘Ammah Li al-Islām*. Qaherah : Maktabah Wahbah, h. 108-109

¹⁰ ‘Abd. Rahmān Hanbah al-Maydānī (1992), *al-Akhlāq al-Islāmiyyah*, Dimashq : Dār al-Qālam, h. 49

¹¹ Miqdād Yaljan (Dr.) (1973), *al-Ittijāh al-Akhlāqi fī al-Islām*, Misr : Maktabah Kahrijī, h. 34

individu. Ternyata, tumpuan kajian akhlak merangkumi setiap inci kehidupan manusia.

2.2 Kedudukan Akhlak Menurut Pandangan Islam

Menurut Fatḥī Yakan, akhlak mendapat tempat yang amat tinggi dan utama selepas akidah dan ianya merupakan matlamat utama risalah Islam. Akidah pula merupakan tunjang bagi kehidupan umat Islam. Dari akidah itulah lahirnya segala sifat-sifat dan perbuatan manusia yang merangkumi semua kegiatan kehidupan sama ada baik atau buruk dan itulah yang dinamakan akhlak.¹²

Oleh kerana akhlak merupakan intipati daripada akidah Islam, maka akidah dan akhlak tidak boleh dipisahkan. Akhlak yang mulia merupakan tanda dan hasil dari iman yang sebenar. Pemisahan antara akidah dan akhlak adalah sia-sia kerana ianya tidak akan membawa kepada matlamat beragama yang sebenar¹³.

Akhlaq dalam Islam ialah suatu sistem atau peraturan yang merangkumi tingkahlaku manusia secara terperinci. Tindakan tersebut bertitik tolak dari keimanan sehingga dikatakan tidak berakhlaq bagi orang yang tidak beriman kepada Allah.¹⁴ Bahkan Islam telah menjadikan akhlak mulia termasuk dalam kesempurnaan iman seseorang muslim. Ini dinyatakan dalam sabda Rasulullah

s.a.w :

¹² Fatḥī Yakan (1982), *Māzā Ya'ni Intima'l Islām*. cet. Ke 8, h. 37

¹³ Abul A'la al-Maududi (1979), *Ethical View Point of Islam*. Lahore : Islamic Publication Ltd. h. 27

¹⁴ 'Abid Taufiq al-Hasyimī (1974), *op.cit.* h. 198

Terjemahannya : Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling mulia akhlaknya¹⁵

Menurut Zāki Mubārak, akhlak adalah suatu sains atau kajian terhadap sistem-sistem keimanan (I'tiqad). Ia meliputi kajian terhadap baik buruk sesuatu tingkahlaku dengan objektif untuk mempraktikkannya dan bukan untuk kepentingan ilmu semata-mata. Kajian tersebut meliputi tingkahlaku yang perlu bagi manusia berhubung dengan Allah, sesama makhluk dan alam semesta. Juga suatu kajian tentang bagaimana membersihkan jiwa seseorang daripada akhlak hina dan menghiasinya dengan akhlak yang terpuji.¹⁶

Daripada penjelasan tersebut, ternyata bahawa dalam Islam, karektor baik dan buruk digambarkan melalui ajaran yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Dengan itu, akhlak Islam adalah berteraskan ketakwaan dan keimanan kepada Allah S.W.T untuk mendapatkan keredaan-Nya. Neraca utama pengukuran nilai akhlak seseorang adalah melalui tingkahlaku, sikap, cara berkomunikasi dan sebagainya dalam kehidupan seseorang. Akhlak juga merupakan perhiasan diri yang dimiliki oleh setiap manusia yang boleh digambarkan dengan berbagai-bagai cara seperti lemah lembut, hormat orang tua, tolong menolong dan sebagainya.¹⁷

¹⁵ Muhammad bin Ismā'il Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī (1994), *Sahīh al-Bukhārī*. Kitāb al-Adāb, no. hadith 5569, diriwayatkan juga oleh Imam al-Hafiz Abī Dāud Sulaymān Ibn al-Ash'ath al-Sajastānī, *Sunan Abī Dāud* (1974M) (1394H), Juz. 5, cet. 1, Syria : Dār al-Hadīth li al-Tibā'at wa al-Nashr wa al-Tawzī', h. 60

¹⁶ Zāki Mubārak (t.ū), *al-Akhlaq 'Ind al-Ghāzali*. Beirut : Mansurat al-Maktabah al-Asriyyah, h. 113-114

¹⁷ Muhammad 'Ali Al-Hashimi (Dr.) (1998), *Keperibadian Muslimah*. Hj. Juanda Hj. Jaya (terj.), Bandar Baru Bangi : Maktabah al-Qaradawi, h. 421

Ajaran Islam adalah berakhir dengan amalan, iaitu wujud dalam bentuk tingkahlaku ataupun perbuatan. Rukun iman, rukun Islam, ilmu tauhid dan ilmu fiqh berpangkal kepada akhlak. Amalan tersebut dikendalikan oleh akhlak sehingga hasilnya menjadi positif. Rasulullah s.a.w sendiri pernah bersabda :-

اَنْ خِيَارُكُمْ اَحَاسِنُكُمْ اَخْلَاقًا

Terjemahannya : Sesungguhnya sebaik-baik antara kamu ialah yang mempunyai akhlak yang paling baik.¹⁸

Melalui hadith di atas, dapat difahami bahawa pengukuran utama dalam menilai kebaikan dan ketinggian iman seseorang individu muslim adalah melalui neraca akhlak mereka. Justeru, akhlak adalah merupakan ciri-ciri kelebihan diantara manusia kerana ianya lambang kesempurnaan iman, ketinggian takwa dan kealiman seseorang manusia berakal dinilai melalui akhlak. Dikatakan bahawa sebaik-baik manusia dimuka bumi ini adalah yang paling baik akhlak beliau.

Disebabkan akhlak mulia di dalam syariat Islam adalah sesuatu yang besar maka ia adalah perkara paling berat yang diletakkan pada timbangan seseorang hamba pada hari kiamat. Malah ianya menyamai pahala sembahyang dan puasa, dua rukun Islam yang besar sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w di dalam sabdanya :

لَا يُوَضَّعُ فِي الْمِيزَانِ أَنْقُلُ مِنْ حَسْنِ الْخُلُقِ

وَإِنْ حَسْنُ الْخُلُقِ لِيُبْلِغَ بِصَاحِبِهِ دَرْجَةَ الصُّومِ وَالصَّلَاةِ

¹⁸ Muhammad bin Ismā'īl Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī (1994), *Sahih al-Bukhārī* Kitāb al-Adāb, no. hadith 5575

Terjemahannya : Tidak ada sesuatu yang diletakkan pada timbangan yang lebih berat daripada akhlak mulia. Sesungguhnya akhlak mulia menyebabkan pelakunya sampai kepada darjat sembahyang dan puasa.¹⁹

Jelasnya, akhlak Islam menekankan matlamat dan tujuan penciptaan manusia sebagai khalifah dan hamba yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan alam dan memakmurkannya. Sistem Islam adalah bersumberkan wahyu Ilahi. Oleh itu ia memiliki kekuatan tersendiri untuk membentuk akhlak individu yang memahami konsep dan syariat Islam yang mencakupi kepelbagaian aspek kehidupan.²⁰

Kesimpulannya, akhlak dapat melatih dan membentuk peribadi seseorang untuk menjadikan individu tersebut baik dan mulia dalam kehidupannya. Malah akhlak juga mempunyai hubungan yang amat erat dengan keimanan seseorang. Perincian yang ditonjolkan oleh sistem akhlak Islam yang ditekankan secara berperingkat-peringkat adalah untuk memastikan setiap individu mencapai matlamat kebenaran, keadilan, dan hikmah penciptaan sebagai manusia. Ianya dilakukan untuk melahirkan generasi manusia yang berakhlik.²¹ Ternyata di sini bahawa akhlak mulia akan menjamin keselamatan hidup manusia di dunia dan akhirat.

¹⁹ Riwayat al-Tirmidhi , *Sunan Tirmidhi* , Juz. 3 dalam Abwâb al-Birr wa al-Shilah no. Hadith 245, h. 61 dan perawinya *tsiqah*

²⁰ Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali, (2000), "Konsep Sila dan Akhlak : Satu Analisis Awal" *AFKAR - Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*. Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam UM., bil. 1, Shah Alam : Kharom Ilmu Enterprise, h. 150

²¹ Abdullah Muhammad Zin (t.t), *al-Akhlaq al-Islâm wa Athâruha fi Binâ' al-Mujtama'*. Malaysia : Pustaka Antara h. 26 - 28

2.3 Sumber-sumber Pembentuk Akhlak

Segala bentuk ajaran dan amalan dalam Islam mestalah bersumberkan kepada al-Qur'an dan al-Hadith, yang mencakupi segala perkara yang berkaitan dengan urusan dunia dan akhirat. Perkara-perkara yang berkaitan dengan syariat, akidah, muamalat dan sebagainya terkandung sepenuhnya di dalam kedua-dua sumber tersebut.²² Ini bertepatan dengan Firman Allah S.W.T

وَمَا مِنْ دَآبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَّيْرٌ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أَمْمٌ أَمْثَالُكُمْ مَّا
فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَءْ ثُمَّ إِلَى رَبِّهِمْ يُحَشَّرُونَ


Terjemahannya : "Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang terbang dengan kedua sayapnya melainkan umat-umatnya juga seperti kamu, Tiadalah Kami alpakan sesuatupun di dalam al-Kitab, kemudian kepada Tuhanlah mereka akan dihimpunkan.

(Surah al-An'am 6 : 38)

Berdasarkan ayat di atas Ibn. Kathir dalam tafsirnya menyatakan bahawa segala sesuatu perkara besar atau kecil ada di dalam pengetahuan Allah Taala. Tidak Allah lupakan sesuatupun meliputi rezeki , pentadbiran, akhlak dan sebagainya di dalam al-Qur'an. Dan kepada Allahlah segala manusia akan dihimpunkan di akhirat.²³

²² Yusuf al-Qardawī (1977), *op.cit.* h. 40

²³ Ibn. Kathir (1346H), *Tafsir Ibn. Kathir*, Jil. 2. Damsyik : Maktabah Dārul Fihā' , h. 178

2.3.1 Al-Qur'an

Al-Qur'an menekankan konsep keimanan kepada Allah sebagai asas utama pengajarannya. Bagi tujuan ini, al-Qur'an bukan hanya mengandungi perintah-perintah tetapi juga memberikan keyakinan dengan menarik perhatian kepada akal manusia. Al-Qur'an mengandungi prinsip-prinsip akhlak yang semestinya diamalkan oleh setiap orang Islam dalam kehidupan.²⁴

Menurut Raihanah Hj. Abdullah, akhlak adalah perkataan yang merujuk kepada tingkahlaku manusia yang berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Hadith. Sekiranya sesuatu perbuatan atau tingkahlaku manusia itu tidak berasaskan kepada dua sumber utama itu, bererti perbuatan itu adalah dianggap tidak berakhlek.²⁵

Kepentingan akhlak dalam kehidupan dinyatakan dengan jelas dalam al-Qur'an menerusi berbagai-bagai pendekatan yang meletakkan al-Qur'an sebagai sumber pengetahuan mengenai nilai dan akhlak yang paling terang dan jelas. Pendekatan al-Qur'an dalam menerangkan akhlak yang mulia, bukan sekadar dalam bentuk pendekatan teoritikal tetapi dalam bentuk konseptual dan penghayatan. Akhlak yang baik dan akhlak yang buruk digambarkan dalam perwatakan manusia dalam sejarah dan realiti kehidupan manusia semasa al-Qur'an diturunkan.²⁶

Di dalam al-Qur'an juga terdapat banyak ayat-ayat yang berhubungan dengan akhlak meliputi ayat-ayat yang menuntut supaya memperbaiki akhlak, pujian

²⁴ al-Maudūdi, A. A. (1976), *op.cit.* h. 6

²⁵ Sila rujuk Raihanah Haji Abdullah, (1998), "Permasalahan Moral Masyarakat Islam dari Perspektif Undang-undang", *Jurnal Syariah*, Jilid 6, Universiti Malaya : Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Januari, 1998, h. 82

²⁶ Muhammad al-Tūmī al-Syābānī (1975), *Falsafah al-Tarbiyah al-Islāmiyyah*, cet. 1, Tarablus, h. 221

terhadap orang yang berakhlak mulia dan pahala yang diberikan kepada orang yang berakhlak baik. Seterusnya terdapat juga banyak ayat-ayat yang melarang manusia daripada mempunyai sifat-sifat yang tercela seperti dendam, kerana darinya timbul rasa tidak percaya kepada qada' dan qadar Allah Taala. Bilangan ayat tersebut mencapai 1,505 ayat dalam al-Qur'an.²⁷

Didapati bahawa ayat-ayat yang berkaitan dengan akhlak bukan sahaja diturunkan di Mekah, bahkan juga setelah Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah. Prinsip-prinsip yang dibawa oleh al-Qur'an merupakan asas pokok kepada akhlak Islam kerana ia merupakan lahiriah dan batiniah yang bertujuan untuk memperbaiki budi pekerti dan akhlak manusia. Islam juga telah menggariskan beberapa panduan mengenai akhlak yang seharusnya ada pada setiap umat manusia bagi mencapai kesempurnaan hidup di dunia ini.²⁸

Menurut Miqdād Yaljan, akhlak tersebut meliputi :

1. Akhlak terhadap Allah
2. Akhlak terhadap Rasulullah s.a.w
3. Akhlak terhadap kitab-kitab Allah Taala
4. Akhlak sesama manusia
5. Akhlak terhadap haiwan dan tumbuh-tumbuhan.²⁹

Kesimpulannya, manusia disuruh berakhlak mulia dalam semua aspek kehidupan meliputi politik, pentadbiran, peradaban, kemasyarakatan, kesihatan dan

²⁷ Sohair Abdel Moneim Sery (Prof. Madya Datin), "Akhlak pengukur ketinggian iman", *Berita Harian*, Ahad, 19 Mac 2000, h. 16

²⁸ *Ibid*

²⁹ Miqdād Yaljān (1973), *op.cit*, h. 37

sebagainya. Segala panduan akhlak terkandung di dalam al-Qur'an. Justeru, manusia seluruhnya disuruh supaya membaca, menghayati dan mengamalkan al-Qur'an, kerana dari situlah akan wujudnya keharmonian dan kerukunan hidup manusia sepenuhnya.

2.3.2 al-Hadith

Al-Qur'an ialah wahyu daripada Allah yang sampai kepada manusia melalui pengutusan Rasulullah s.a.w. Al-hadith pula merupakan pelaksanaan dan penerang kepada wahyu tersebut. Oleh yang demikian, al-hadith merupakan sumber kedua selepas al-Qur'an yang menjadi asas kepada pembentukan peribadi muslim ke arah akhlak yang mulia. Oleh yang demikian selepas taat kepada Allah S.W.T, manusia juga diwajibkan supaya mentaati Rasul-Nya. Ini dijelaskan oleh Allah dalam al-Qur'an :

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَحْذِرُوا فَإِنْ تَوَلَّنِمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَى
رَسُولِنَا الْبَلَغُ الْمُبِينُ

Terjemahannya : "Dan taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul-Nya dan berhati-hatilah. Jika kamu berpaling, maka ketahuilah sesungguhnya kewajipan Rasul Kami, hanyalah menyampaikan amanat Allah dengan terang"

(Surah al-Maidah, 5: 92)

Ayat di atas menggambarkan kepada manusia bahawa mentaati Rasul adalah satu tuntutan yang wajib dilakukan oleh setiap individu muslim selepas mereka

mentaati Allah Taala. Ini kerana tugas-tugas rasul adalah menyampaikan perintah dan amanah daripada Allah dan mereka tidak sekali-kali berbohong. Justeru, mentaati rasul seumpama mentaati Allah Taala.

Al-hadith meliputi ucapan, perbuatan, dan keadaan Nabi Muhammad s.a.w . Allah S.W.T telah membimbing Rasulullah sejak baginda kecil lagi, sehingga akhlak Nabi Muhammad s.a.w digelar sebagai akhlak al-Qur'an. Seluruh kehidupan Rasulullah s.a.w telah ditentukan oleh Allah. Justeru, Allah telah menjadikan baginda berakhhlak dengan akhlak kesempurnaan kitab Rabbani.³⁰ Malah Allah S.W.T memuji akhlak Rasulullah s.a.w dalam firman-Nya :

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Terjemahannya: “Sesungguhnya kamu (wahai Muhammad) benar-benar berakhhlak mulia”.

(Surah al-Qalam 68 : 4)

Dalam ayat di atas, Allah telah memuji Rasulullah dengan sebenar-benar pujian bahawa akhlak baginda nabi adalah akhlak yang terbaik yang wajar dicontohi dan diteladani oleh seluruh umat manusia.

Ditambah lagi dengan pengutusan Rasulullah s.a.w sendiri adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Imam Malik dan Ahmād yang berbunyi :

إِنَّمَا بَعَثْتُ لَأَنْتَمْ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

³⁰ Ahmad al-Šibāḥī ‘Audullāh (1972), *Akhlāq al-Anbiyā’ A.S*, Juz 3, Qaherah : Matbaat Abidin, h. 163

Terjemahannya : ‘Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak manusia’³¹

Hadith di atas menunjukkan betapa pentingnya akhlak yang baik dalam kehidupan manusia sehingga tugas rasul yang paling utama ialah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Peribadi Rasulullah s.a.w merupakan sumber pembentukan akhlak yang penting untuk diketahui dan diteladani oleh seluruh umat manusia.

Kesimpulannya akhlak adalah perkataan yang terkandung di dalamnya akhlak mulia yang menghiasi diri manusia, membersih dan meninggikan dirinya seperti sifat malu, sopan santun, lemah lembut, pemaaf, toleransi, amanah dan benar. Para pengkaji yang menyelidiki nas-nas petunjuk kemasyarakatan di dalam Islam akan mendapati dirinya berhadapan dengan sejumlah besar nas-nas al-Qur'an dan al-hadith yang menyuruh manusia memiliki akhlak kemasyarakatan yang tinggi. Ini menunjukkan matlamat Islam yang cukup besar dalam pembentukan keperibadian seseorang muslim. Penekanan akhlak tidak cukup kepada perkara-perkara umum sahaja, bahkan hendaklah diteliti setiap juzuk akhlak yang boleh membina keperibadian yang sempurna.

2.4 Ciri-ciri Akhlak Remaja Islam

2.4.1 Bersikap Benar dan Amanah

Sikap benar dan amanah digambarkan kepada umat manusia sebagai kemuncak kebaikan dan akhlak yang paling mulia. Sikap tersebut melarang manusia daripada berdusta kerana dusta adalah punca kejahanatan, kerosakan dan perbuatan

³¹ Riwayat Ahmad Ibn Hanbal (t.t) *Musnad*, Juz.2 Beirut : al-Maktabah al-Islām Dār Sadir, h. 385
48

yang buruk. Disamping itu, sikap benar dan amanah akan membawa kebaikan dan menjanjikan pelakunya kenikmatan dengan syurga manakala sifat dusta akan membawa kepada kejahatan dan pelakunya dijanjikan keazaban neraka.³²

Remaja Islam yang bersifat benar dan amanah tidak akan menipu, memperdaya dan mengkhianati orang lain. Ini disebabkan menipu, memperdaya dan khianat adalah akhlak yang rendah dan bertentangan dengan sifat benar. Sifat benar dan amanah menuntut remaja Islam agar sentiasa memberikan nasihat, bersifat lurus, istiqamah, memenuhi janji serta adil dan saksama. Ia akan menghindarkan diri mereka daripada melakukan penipuan, memperdaya, berdusta dan putar belit.

Rasulullah s.a.w pernah bersabda dalam hadith Qudsi bahawa sesungguhnya dusta dan khianat merupakan jenayah besar yang menghalang pelakunya daripada rahmat Allah dan menghalangnya daripada mendapat syafaat Rasulullah. s.a.w :

قال الله تعالى : ثلاثة أنا خصمهم يوم القيمة :

رجل أطعى بي ثم غدر ، ورجل باع حرافاكل ثمنه

ورجل استأجر أجيرا فاستوفى منه ولم يعطه أجره

Terjemahan : Allah Taala berfirman : tiga jenis manusia, Akulah yang akan berbantahan dengan mereka pada hari kiamat : Lelaki yang memberikan janji atas nama-Ku kemudian dia mengkhianati, lelaki yang menjual orang yang merdeka kemudian memakan harganya dan lelaki yang mengupah orang gaji lalu orang gaji itu melaksanakan kerjanya tetapi tidak diberikan upah.³³

³² Muhammad Yusuf Mūsā, (1960), *Al-Akhlaq fī al-Islām*, Muassasah al-Maṭbu'at al-Hadithah, h. 26

³³ Riwayat al-Bukhārī, Mustafā Dib al-Baghā (Dr.) (1994), *Mukhjasar Sohih al-Bukhārī*, cet. 5, Kitab al-Buyū' ; Bab dosa orang yang menjual orang yang merdeka no hadith 995

Berdasarkan hadith Qudsi di atas, ternyata bahawa sifat khianat dan dusta merupakan sifat yang dicela oleh Allah Taala. Ia merupakan seburuk-buruk akhlak dan amat bertentangan dengan sikap amanah dan berkata benar sebagaimana yang dianjurkan oleh syariat Islam.

Jelasnya, remaja yang bersifat benar dan amanah akan memahami bahawa tugas dan tanggungjawab mereka sebagai hamba Allah, pelajar, anak, rakan dan ahli masyarakat adalah satu amanah yang wajib dilaksanakan dengan sebaiknya. Amanah terhadap Allah, pelajaran, guru dan sekolah, ibu bapa, adik-beradik, rakan seperjuangan dan ahli masyarakat tersebut akan dipersoalkan kepada mereka oleh Allah di akhirat kelak. Justeru, kesedaran terhadap tanggungjawab dan amanah ini akan menghindarkan remaja daripada kegiatan yang tidak bermoral dan merosakkan diri mereka sendiri.

2.4.2 Ikhlas

Ikhlas bermaksud mengerjakan amal ibadat semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Allah S.W.T. Ikhlas adalah inti setiap ibadah dan perbuatan. Sifat ikhlas akan dapat menghindarkan seseorang daripada hasad dengki, takabbur dan segala maksiat batin yang memusnahkan amalan-amalan kebajikan.³⁴

Ikhlas juga merupakan kunci diterimanya amal ibadat, dan hanya dengan ikhlas sesuatu bentuk amal ibadat akan diberikan ganjaran pahala oleh Allah S.W.T. Firman Allah dalam surah al-Bayyinah :5

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الَّذِينَ حُنَفَاءٌ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ
وَيُؤْثِرُوا عَلَى الرَّكُونَةِ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ

Maksudnya : "Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya dalam menjalankan agama dengan lurus (tidak mensyirikkan Allah), dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat ; dan yang demikian itulah agama yang lurus"

(Surah al-Bayyinah : 5)

Menurut tafsir al-Qurtubi, ikhlas di dalam ayat di atas bermaksud keikhlasan kepada Allah dalam peribadatan dan lain-lain dengan tidak mensyirikkan-Nya dengan segala sesuatupun.³⁵ Menurut Sayyid Sabiq pula, ikhlas adalah kerja hati yang tidak akan dapat dinilai melalui perbuatan seseorang. Hanya Allah yang boleh menghukum perbuatan itu ikhlas ataupun tidak.³⁶

Kesimpulannya, remaja yang sentiasa ikhlas dalam setiap kerja dan tingkahlaku yang dilakukan, akan menghasilkan kemenangan dan kejayaan. Masyarakat yang mengamalkan sifat ikhlas pula akan mencapai kebaikan dunia dan akhirat, bersih daripada sifat kerendahan dan mencapai perpaduan, persaudaraan, perdamaian dan kesejahteraan dalam kehidupan.

³⁴ Baharuddin bin Muhammad, (2001), *Amalan Generasi Rabbani ke Arah Kesempurnaan Ibadah Pembentukan Sahsiah*. K.L: Synergymate Sdn. Bhd. h. 2

³⁵ al-Qurṭubī, *op.cit.*, h. 457

³⁶ al-Sayyid Sābiq, (t.t), *al-'Aqaīd al-Islāmiyyah*, Qahirah : al-Fath li al-'Ilam al-'Arabiyyi, h. 79

2.4.3 Tekun dan berdisiplin

Islam menggalakkan umatnya supaya tekun apabila melakukan sesuatu pekerjaan sehingga selesai dan berjaya. Sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abi Daud :

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلْتُمْ حَدْكُمْ عَمَلاً إِنْ يَنْقُنْهُ

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah S.W.T menyukai seseorang kamu yang mana apabila bekerja, dia melakukannya dengan tekun "³⁷

Berdasarkan hadith di atas, ternyata Allah menyuruh setiap hambanya supaya tekun dan bersungguh-sungguh dalam melakukan setiap pekerjaan. Sifat tekun biasanya akan mendatangkan kebaikan dan kejayaan kepada umat manusia.

Sifat tekun dan disiplin yang ada pada diri remaja Islam akan mendorong mereka berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai cita-cita yang diidamkan. Ketekunan dan kegigihan remaja juga akan menghindarkan mereka daripada bersifat putus asa. Malah mereka akan berusaha lebih gigih lagi menghadapi cabaran arus dunia. Fenomena ini akan meningkatkan produktiviti ummah, melahirkan suasana kerja yang aman dan memberikan kesan yang baik kepada masyarakat seluruhnya.

Remaja yang berdisiplin dalam menjalankan sesuatu kerja pula akan dapat menghasilkan mutu kerja yang cemerlang. Hasrat individu dan hasrat negara untuk maju dan cemerlang akan dapat dicapai dengan lebih pantas lagi. Dengan

³⁷ Imam Abi Daud (1974), *op.cit.*, h.61

berdisiplin seseorang itu akan dapat menguatkan pegangannya terhadap ajaran agama dan menghasilkan mutu kerja yang sempurna.

Remaja yang berdisiplin juga akan sentiasa memastikan jadual kerja yang disusun diikuti sepenuhnya. Perjagaan masa dan pengawalan mutu kerja akan sentiasa diberikan perhatian yang serius. Keadaan inilah yang memberikan input positif dalam diri remaja untuk mengekalkan kecemerlangan diri. Ini bersesuaian dengan firman Allah dalam surah al-Asr, di mana Allah menyuruh manusia mementingkan masa sebagai disiplin diri yang utama.

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ظَاهَرُوا وَعَمِلُوا
الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبَرِ

Terjemahannya : Demi masa, sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian kecuali mereka yang berpesan-pesan dan kebenaran dan mereka berpesan-pesan dengan kesabaran.

(Surah al-Asr : 1-3)

Di dalam ayat di atas, Allah S.W.T telah bersumpah menggunakan lafaz masa sebagai peringatan kepada manusia agar berdisiplin dalam kehidupan. Penggunaan masa yang sesuai amat penting kerana setiap masa yang berlalu tidak akan kembali lagi sedetikpun. Ini bermakna umur manusia juga turut berlalu bersama masa tersebut. Manusia akan rugi sekiranya-masa tersebut tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Menjaga masa amat penting kerana ianya akan mendatangkan kejayaan kepada manusia.

Ternyata, remaja yang mempunyai sifat tekun dan berdisiplin akan mendapat kejayaan di dalam apa jua perkara yang diusahakan sama ada di dunia maupun di akhirat

2.4.4 Bersyukur

Bersyukur ialah perasaan gembira yang dilahirkan sewaktu mendapat kejayaan atau terlepas daripada malapetaka. Bersyukur dalam konteks ciri-ciri peribadi unggul seseorang remaja muslim berlaku dalam dua keadaan : pertama sebagai tanda kerendahan hati terhadap segala nikmat yang diberikan oleh Pencipta sama ada sedikit ataupun banyak. Kedua, bersyukur sesama makhluk sebagai ketetapan daripada Allah S.W.T supaya kebajikan sentiasa dibalas dengan kebajikan. Allah S.W.T berfirman dalam surah Ibrahim 13 :7

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لِيْنَ شَكْرَتُمْ لَا زِيَادَتُكُمْ وَلِيْنَ كَفَرَتُمْ إِنْ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Terjemahan : "Dan ingatlah juga tatkala Tuhanmu memaklumkan ; Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambahkan nikmat-Ku kepada kamu dan sekiranya kamu kufur, sesungguhnya azab-Ku amatlah keras"

(surah Ibrahim 13 : 7)

Ayat di atas, menunjukkan bahawa Allah SWT telah menjanjikan kelebihan-kelebihan yang banyak terhadap hamba-Nya yang bersyukur di atas nikmat pemberian-Nya. Sesungguhnya nikmat Allah terhadap hamba-Nya di atas muka

bumi ini terlalu banyak termasuklah nikmat dicerdaskan akal fikiran, dikurniakan kesihatan yang sempurna dan sebagainya. Tetapi sekiranya manusia ingkar dan terus lupa untuk bersyukur dengan pemberian-Nya, Allah SWT telah menyatakan amaran bahawa azab-Nya amatlah pedih.

:

Kesimpulannya, remaja Islam perlu sentiasa bersyukur dan reda dengan segala nikmat pemberian yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada mereka.

2.4.5 Sabar dan berjiwa mulia

Sabar dan berjiwa mulia bermaksud menerima bala bencana yang ditimpakan Allah, dengan penuh redha tanpa perasaan keluh kesah serta menerimanya sebagai ujian Allah dalam menilai keimanannya. Menurut Imam al-Ghazālī pengertian sabar ialah menahan diri daripada segala gangguan dan tahan menderita terhadap sesuatu yang tidak disukai.³⁸ Sikap sabar merupakan pelengkap dalam rohani manusia, kerana hanya dengan sabar, seseorang dapat merasai nikmat kejayaan dan mencapai cita-citanya. Sabar juga menunjukkan keimanan yang kuat.

Di dalam menghadapi cabaran hidup, kesabaran amat penting untuk membentuk peribadi remaja muslim unggul seperti yang dikehendaki Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T dalam surah Ali Imran : 200 yang berbunyi :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ظَمَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَأَبِطُوا وَأَتَقْوُا اللَّهُ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ

Terjemahannya : "Wahai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebaikan) dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan) dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya."

Firman Allah yang lain dalam surah al-Baqarah ayat 153 :

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَسْتَعِينُو بِالصَّابِرِ وَالصَّلَاةُ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ



Terjemahannya : "Hai orang-orang yang beriman ! Mintalah pertolongan kepada Allah dengan sabar dan sembahyang, kerana sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar."

(Surah al-Baqarah : 153)

Menurut Ibn. 'Abbās, sabar dalam al-Qur'an ada tiga kategori :

1. Sabar dalam menyempurnakan kefardhuan yang ditetapkan oleh Allah
2. Sabar atas kesusahan dalam meninggalkan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah Taala.
3. Sabar apabila menerima bala dan malapetaka dari Allah.³⁸

Kesabaran akan menghasilkan insan yang sentiasa tabah dan bersedia menghadapi cabaran dan rintangan yang mendatang dalam kehidupan. Remaja muslim yang sabar akan sentiasa menyerah diri kepada Allah dan menganggap bahawa segala cabaran dalam pelajaran, dugaan hidup seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan sebagainya sebagai ujian Allah- dalam menilai keimanan mereka. Malah mereka yakin dengan janji Allah bahawa orang-orang yang sabar dalam

³⁸ Hassan Hj. Mohd. Ali (1994), *100 Akhlak Mulia.*, K.L.: Utusan Publications Sdn. Bhd. h. 75
³⁹ Abū al-'Abbās bin 'Abd. Allāh al-Tabarī, *al-Qira li Qasidī Ummī al-Qurā*, Beirut : Dār al-Fikr dalam Baharuddin b. Mohamad (2001), *Amalan Generasi Rabbani Ke arah Kesempurnaan Ibadah Pembentukan Sahsiah*, Bangi : Synergymate Sdn. Bhd., h. 4

menghadapi ujian Allah pasti akan mendapat kejayaan dalam hidup mereka sama ada di dunia maupun di akhirat kelak.

2.4.6 Adil

Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Para ulama membahagikan penafsiran adil kepada beberapa peringkat iaitu adil terhadap diri sendiri, orang bawahan, pemimpin atasan dan sesama saudara seIslam. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam al-Qur'an :

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْرَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ
أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Terjemahannya : Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia,(Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.

(surah al-nisa' 4:58)

Remaja Islam yang bersifat adil akan sentiasa sedar dan tahu untuk meletakkan sesuatu kesalahan dan tanggungjawab pada tempatnya. Mereka tidak akan terburu-buru dalam membuat keputusan dan berhati-hati dalam menjalankan tugas mereka. Adil yang difahami oleh remaja Islam juga mendorong mereka membuat pertimbangan yang sewajarnya tanpa dipengaruhi oleh rasa benci atau cinta. Juga

tidak dicondongkan oleh hubungan kerabat ataupun keturunan. Mereka sekali-kali tidak akan bertindak zalim dalam membuat keputusan.⁴⁰

Remaja Islam yang adil juga bijak untuk meletakkan keutamaan terhadap tugas yang diberikan terhadap beliau. Justeru, ini akan melahirkan seorang remaja yang tahu menggunakan masa dan tenaganya kepada perkara-perkara yang munasabah dan bermanfaat sahaja serta menghindarkan diri dari perkara yang sia-sia.

Jelasnya, remaja Islam yang berakhlik dengan kesempurnaan akhlak Islam akan sentiasa mengambil berat terhadap perlakuan dan perbuatan mereka. Sifat-sifat seperti benar dan amanah, bersyukur, sabar dan reda, tekun dan berdisiplin dalam hidup, menghormati orang tua dan adil akan menghiasi diri mereka. Justeru, mereka akan terhindar daripada melakukan perbuatan-perbuatan buruk yang termasuk dalam perbuatan salahlaku akhlak.

2.5 Masalah-masalah Akhlak Remaja Islam Kini

Kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tentang salahlaku pelajar di sekolah rendah dan menengah pada tahun 1993 mendapat terdapat 41% (172,615) daripada 4,207,381 pelajar terlibat dalam salahlaku seperti :

- a). Jenayah berat seperti mencuri, berjudi, melawan guru, terlibat dalam kongsi gelap, salahguna dadah, peras ugut, bawa senjata dan mencabul kehormatan, merogol dan membunuh.

⁴⁰ Muhammad 'Ali Al-Hashimi (Dr.)(1998), *Keperibadian Muslimah*, jilid II Hj. Juanda Hj. Jaya (terj.). Bandar Baru Bangi : Maktabah al-Qardhawi. h. 455-458

- b). Tidak pentingkan masa seperti lewat ke sekolah, berkeliaran, melepak dan lain-lain.
- c). Tidak sopan seperti kasar dengan guru atau pengawas, merokok dan kasar dengan pelajar yang lain.
- d). Tidakjujur seperti menipu melibatkan wang dan tidak amanah
- e) Ponteng seperti ponteng sekolah, ponteng kelas, dan aktiviti kurikulum
- f). Tidak berpakaian kemas seperti berambut panjang, dan memakai barang kemas.⁴¹

Daripada perbuatan salahlaku di atas, kesalahan ponteng merupakan kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar diikuti dengan perbuatan kurang sopan, tidak pentingkan masa, jenayah, tidak berpakaian kemas dan lain-lain kesalahan.

Oleh itu, di dalam disertasi ini, penulis hanya memfokuskan satu contoh sahaja daripada kesalahan dalam setiap kategori salahlaku yang dipaparkan. Antaranya salahlaku ponteng dari kategori ponteng, menghisap rokok dari kategori kurang sopan, melepak dari kategori tidak pentingkan masa dan lari dari rumah dari kategori jenayah. Bagi kategori kesalahan-kesalahan lain, penulis hanya merumuskannya secara umum sahaja.

⁴¹ Abd. Monir Yaacob "Menempuh Cabaran Kepimpinan" dalam, Shaikh Mohd. Saifuddin Shaikh Mohd Salleh (penyunting)(2001), *Belia dan Masyarakat*, K.L : IKIM , h. 212

2.5.1 Ponteng sekolah

Ponteng sekolah merupakan masalah utama yang amat sinonim dengan golongan pelajar sekolah. Perkara ini wujud di mana-mana sekolah di seluruh dunia. Di Malaysia, menurut kajian yang telah dilakukan oleh Prof. Chiam Keng Heng dari Universiti Malaya pada tahun 1994, didapati bahawa sebahagian besar pelajar yang terlibat dalam kegiatan salahlaku pelajar yang teruk adalah bermula dari kegiatan ponteng sekolah.⁴²

Rentetan daripada sikap ponteng sekolah akan mendorong pelajar berbohong dan menipu keluarga. Seterusnya mereka akan melepak, menghisap rokok, menghidu gam, menghisap dadah dan ganja, terlibat dengan pil-pil khayal dan *estacy* serta pelbagai kesalahan jenayah berat yang lain seperti mencuri, merompak, peras ugut, sehingga ada yang membawa kepada kegiatan membunuh dan sebagainya.⁴³

Antara faktor utama yang dikaitkan sebagai punca utama pelajar ponteng sekolah ialah kerana pelajar berkenaan lemah pendirian dan kurang motivasi terhadap pelajaran. Ini menyebabkan mereka senang terpengaruh dengan rakan-rakan yang sering ponteng untuk melakukan kesalahan yang sama. Ditambah lagi dengan sikap malas belajar dan kelemahan otak mereka untuk menerima pelajaran menjadikan mereka malas ke sekolah dan berusaha untuk mencari keseronokan sendiri dengan ponteng sekolah.⁴⁴

⁴² Chiam Heng Keng, Nik Azis Nik Pa (1994), *op.cit.* h. 45

⁴³ Mohd Amin H.A Shariff (1998), *op.cit.*, h. 56

⁴⁴ Chiam Heng Keng, Nik Azis Nik Pa, (1998), *op.cit.*,h. 46

Hubungan komunikasi pelajar dengan guru yang agak renggang juga menjadi faktor mengapa pelajar ponteng sekolah. Bebanan kerja rumah yang banyak dan tidak dapat disiapkan oleh pelajar di rumah kerana menghadapi masalah keluarga seperti kena jaga adik yang kecil, terpaksa bekerja sambilan dan sebagainya menyebabkan pelajar berkenaan mengambil inisiatif ponteng sekolah untuk mengelakkan diri dari dileteri oleh guru berkenaan.

Antara punca-punca lain ialah seperti diugut oleh senior, perasaan rendah diri kerana kekurangan dan kecacatan fizikal seperti bertubuh pendek dan gempal dan sebagainya. Pengaruh kedudukan sekolah yang dekat dengan pusat hiburan seperti *video game* dan pusat *snooker* juga menjadi faktor penarik remaja ponteng sekolah.⁴⁵

2.5.2 Menghisap rokok

Gejala menghisap rokok merupakan masalah yang semakin berleluasa dikalangan pelajar di negara kita. Boleh dikatakan bahawa semua sekolah sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah di seluruh negara berdepan dengan masalah pelajar yang merokok.

Pengaruh rakan sebaya yang merokok menjadi tarikan utama mengapa pelajar merokok. Ada juga pelajar yang pada mulanya hanya mencuba-cuba kerana terpengaruh dengan tabiat orang dewasa yang merokok, dan akhirnya ketagih untuk menghisapnya. Malahan ada juga sebahagian pelajar terutamanya golongan

⁴⁵ Majalah Tamaddun, (1997), "Lepak dan Puncanya", h. 12

remaja yang merokok agar mereka dapat diterima oleh satu-satu kumpulan rakan sebaya.⁴⁶

Pengaruh iklan televisyen yang banyak menyiarangkan unsur-unsur keseronokan dan kemewahan serta kepuasan hidup melalui iklan rokok seperti *dunhill*, *salem*, *davidoff* dan sebagainya sedikit sebanyak mempengaruhi pelajar terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja untuk mencuba rokok.

Kesan daripada tabiat merokok kepada golongan kanak-kanak dan remaja sebenarnya amatlah besar. Selain daripada mendedahkan mereka kepada pelbagai jenis penyakit yang kronik seperti asma, paru-paru dan jantung, merokok pada usia yang muda juga akan mudah menjerumuskan mereka kepada kesalahan yang lebih berat seperti ketagihan dadah, candu, morfin dan ganja. Ini kerana ada kes di mana ada di kalangan kawan-kawan mereka yang menjadi pengedar dadah memasukkan sedikit ganja, atau dadah di dalam rokok yang diberikan kepada seseorang remaja. Ini menyebabkan remaja tersebut ketagih dan seterusnya sentiasa inginkan bekalan tersebut daripada rakan mereka.⁴⁷

Jelasnya, merokok dikalangan remaja berkait dengan banyak faktor dan kesan negatif adalah lebih besar kepada mereka. Justeru, pengawasan ibu bapa amat penting untuk memastikan anak-anak mereka tidak terlibat dengan perbuatan tersebut.

⁴⁶ Mohd Amin H. A. Shariff (1998), *op.cit*. h. 35

⁴⁷ Mohd Hatta dan Noraini Ahmad, "Konsert Dan Pengaruhnya Terhadap Remaja ", (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Akhlak yang berlangsung di Universiti Malaya pada 1996)

2.5.3 Melepak

Lepak dikalangan remaja bukan sahaja berlaku di negara kita malah terjadi di merata-rata tempat terutamanya di bandar-bandar besar di seluruh dunia. Melepak diistilahkan kepada perbuatan duduk bersenang-senang dan berbual kosong tanpa tujuan di pusat membeli-belah dan tempat-tempat tertentu.⁴⁸ Budaya lepak merupakan satu *escapism* remaja daripada tekanan seharian.

Daripada kajian yang dilakukan oleh Dr. Shamsuddin A. Rahim dan Iran Herman mendapati, antara faktor yang membawa kepada perbuatan lepak dikalangan remaja ialah :

- a) Untuk menenangkan fikiran setelah penat belajar atau bekerja
- b) Untuk mendapatkan sedikit hiburan daripada kesunyian di rumah
- c) Untuk mencari ketenangan daripada suasana yang bising di rumah.⁴⁹

Faktor-faktor lain yang membawa kepada gejala lepak ialah :

- a). Rumah yang sempit dan bising menyebabkan remaja merasakan kurang *privacy*.
- b). Keluarga tidak prihatin terhadap remaja. Malah ada ibu bapa yang tidak melarang remaja daripada melakukan perbuatan tersebut. Ada juga ibu bapa yang tidak ada di rumah ketika anak-anak pulang.
- c). Kurang aktiviti yang sesuai untuk remaja.

⁴⁸ Mohd Amin H.A. Shariff (1998), *op.cit.* h. 52

⁴⁹ Samsuddin A.Rahim (Dr.) & Iran Herman (1993), "Budaya Lepak : Satu Kajian Awal di Bandaraya Kuala Lumpur", kajian untuk Kementerian Belia dan Sukan pada Oktober 1993, h. 1

- d). Sikap remaja sendiri terhadap tempat tinggal mereka. Contohnya tidak selesa tinggal di kawasan perumahan mereka dan sebagainya.⁵⁰
- e). Bosan tinggal di rumah kerana tidak ada kawan untuk berbual-bual.
- f). Ibu bapa sering berleter dan bergaduh.⁵¹

:

Kesan daripada perbuatan lepak boleh menyebabkan mereka mudah terjebak ke dalam gejala sosial seperti masalah dadah, lupa pada pelajaran, melakukan kesalahan juvana, lari dari rumah, krisis identiti dan sebagainya.⁵²

Kesimpulannya perbuatan melepak dikalangan remaja bukanlah satu masalah baru, malah perbuatan tersebut telah lama berlaku di negara kita. Kesannya sebenarnya akan lebih menjerumuskan remaja kepada perbuatan-perbuatan buruk yang lain. Justeru, perbuatan ini sebenarnya perlu diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak agar budaya ini dapat dibendung.

2.5.4 Lari dari rumah

Akhir-akhir ini gejala remaja lari dari rumah sering berlaku dan dilaporkan dalam media-media massa. Terdapat banyak faktor penarik dan penolak yang menyebabkan remaja lari dari rumah.

Antara faktor penolak yang mendorong mereka meninggalkan rumah dan keluarga adalah disebabkan oleh suasana kekeluargaan, perhubungan dalam keluarga,

⁵⁰ Majalah Remaja (1993), (Keluaran Khas) Terbitan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kementerian Pembangunan Masyarakat, h. 26

⁵¹ Mohd Amin H. A. Shariff (1998), *op.cit.* h. 53

⁵² Samsuddin A. Rahim (Dr.) & Iran Herman (1993), *op.cit.* h. 1

tingkahlaku, perangai dan kelakuan ibu bapa yang hambar dan tidak menunjukkan kasih sayang terhadap anak-anak.

Pendekatan keluarga dan ibu bapa yang lebih bersifat *punitif*, iaitu suka menghukum dan mendefenda menyebabkan anak-anak merasa tidak selamat tinggal di rumah dan memberontak inginkan kebebasan. Harapan ibu bapa yang terlalu tinggi terhadap anak-anak juga menyebabkan mereka merasa tertekan dan ingin melepaskan diri dari harapan tersebut. Ditambah lagi dengan sikap ibu dan bapa yang pemarah, suka berleter, menyalahkan tanpa menyiasat terlebih dahulu, pilih kasih dan tidak adil serta tidak dapat menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap anak-anak menyebabkan mereka bertindak mlarikan diri dari rumah.⁵³

Di samping itu, terdapat juga kes remaja yang mlarikan diri kerana didera dari sudut fizikal dan seksual sama ada oleh bapa kandung, bapa tiri, abang kandung, abang tiri , bapa saudara ataupun oleh ibu kandung dan ibu tiri. Biasanya, kes penderaan fizikal dan seksual ini adalah termasuk dalam faktor utama yang menolak remaja untuk keluar atau lari dari rumah.⁵⁴

Selain dari faktor penolak di atas , terdapat juga beberapa faktor penarik yang menarik remaja lari dari rumah. Antaranya ialah faktor luar rumah yang dilihat begitu menarik, memikat, memberikan keyakinan, kepuasan dan keseronokan. Keputusan menerima cabaran ini adalah keputusan remaja itu sendiri. Sebahagian besar mereka dipengaruhi oleh rakan sebaya dan orang-orang luar yang berpengaruh ke atas remaja seperti teman lelaki, majikan dan sebagainya.

⁵³ Hjh Umi Kalthum (1994), *op.cit*, h. 34

⁵⁴ Mohd Amin H.A. Shariff (1998), *op.cit.*, h. 46

Ditambah lagi dengan masalah kekeluargaan yang dihadapi di rumah menyebabkan faktor penarik tersebut lebih berkesan terhadap seseorang remaja.

Ramai juga remaja yang tidak menghadapi masalah keluarga, tetapi lari dari rumah kerana terpengaruhi dengan gaya hidup bebas yang dilihat dalam filem-filem di televisyen. Keseronokan hidup bebas bersama rakan-rakan sebaya dan keinginan untuk hidup sendiri serta memperolehi pendapatan sendiri mendorong pelajar remaja untuk lari dari rumah bagi mencapai impian yang dicita-citakan.⁵⁵

Sebahagian besar remaja yang melarikan diri dari rumah terdedah kepada fenomena yang lebih mencabar. Kecetekan dan kedangkalan akal fikiran mereka biasa menyebabkan mereka mudah terjerumus ke kancang pergolakan yang lebih hebat. Ada remaja perempuan yang mula terlibat dengan kes pelacuran kerana tertipu, dan ada kes yang mana remaja tersebut terus hilang, tidak dapat dikesan. Ramai juga yang ditangkap kerana bersekedudukan dengan teman lelaki mereka di bandar-bandar besar.⁵⁶

Manakala remaja lelaki pula lebih terdedah kepada perlakuan dan perbuatan negatif seperti kegiatan mencuri, merompak, gengsterisme, mengedar dadah dan sebagainya. Bagaimanapun, tidak dinafikan ada sebahagian remaja yang lari dari rumah berjaya mencapai cita-cita mereka, namun peratusan mereka amatlah sedikit.⁵⁷

⁵⁵ Ahmad Musadad Hj. Sulaiman (1992), *Citarasa Remaja Islam.*, Kuala Lumpur : Perniagaan Maju Berjaya, h. 49

⁵⁶ *Ibid.*, h. 41

2.5.5 Melakukan kesalahan-kesalahan juvenil yang lain

Mengikut statistik yang dipaparkan oleh pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, didapati bahawa pelbagai kesalahan berat telah dilakukan oleh golongan remaja masa kini. Kesalahan kesalahan juvenil adalah masalah berat yang dilakukan oleh pelajar terutamanya yang membabitkan nyawa seperti perompak, mencedera atau membunuh. Contoh-contoh jenayah yang dilakukan oleh golongan remaja ialah seperti berikut :

- a- Menipu
- b- Memeras ugut
- c- Menggunakan senjata dalam pergaduhan dan perkelahian
- d- Kegiatan gengsterisme
- e- Berjudi
- f- Melacur
- g- Penganiayaan fizikal terhadap orang lain
- h- Vandelisme
- i- Memecahkan rumah, bangunan dan kereta
- j- Menculik
- k- Merompak
- l- Mengedar dadah, ganja, pil-pil khayal , *estacy* dan sebagainya
- m- Merogol
- n- Membunuh

⁵⁷ Mohd Amin H.A Shariff (1998), *op.cit.*, h. 46-48

Banyak faktor yang mendorong pelajar remaja terlibat dengan kegiatan jenayah yang berat seperti di atas. Antaranya disebabkan oleh :

- a- Ketagihan dadah, ganja, morfin, pil khayal dan *ecstacy*
- b- Inginkan satu keseronokan yang berlebihan
- c- Kegagalan ibu bapa menerapkan nilai-nilai agama dan moral yang kukuh dalam diri anak-anak sejak mereka kecil lagi.
- d- Terpengaruh dengan rakan sebaya
- e- Kegagalan ibu bapa membina sebuah rumah tangga yang bahagia, menyebabkan anak-anak memenuhi kekosongan diri dan mencari erti kasih sayang di luar rumah dengan terlibat dengan pelacuran, mengedar dadah dan sebagainya.
- f- Kecewa dalam hidup - kerana gagal dalam pelajaran, gagal dalam percintaan, mengalami peristiwa hitam dalam hidup seperti dirogol, menjadi mangsa haruan makan anak , perasaan dendam dan sebagainya.
- g- Terpengaruh dengan televisyen dan media massa yang lain seperti video berunsurkan keganasan, seks dan cinta.
- h- Terpengaruh dengan gaya hidup penyanyi dan pelakon pujaan mereka terutamanya model artis Barat yang terlibat dengan gaya hidup *hippies*, *black metal* dan mengamalkan seks bebas.
- i- Pengaruh materialisme yang semakin meningkat dalam kehidupan harian di semua kawasan penempatan di negara ini.
- j- Kebebasan bertindak bagi setiap individu yang diamalkan di merata dunia dirasakan perlu wujud di Malaysia. Ini banyak mempengaruhi pemikiran golongan remaja di negara kita.⁵⁸

⁵⁸ Laporan Kajian Gengsterisme di Sek. Men. Harian (1999), oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 2-3

Kesimpulannya, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi masalah sosial dikalangan remaja FELDA. Antara yang paling dominan ialah kekurangan hubungan komunikasi, kurang kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa. Ditambah lagi dengan pengaruh rakan sebaya dan media massa yang negatif memberikan kesan yang mendalam terhadap perkembangan emosi dan mental remaja. Selain itu, komitmen guru-guru terhadap kerjaya mereka serta faktor kemiskinan juga memberikan kesan sampingan kepada masalah tersebut. Walaupun tidak ada statistik khusus yang melaporkan kegawatan akhlak remaja FELDA hari ini, namun, fenomena ini tidak boleh dipandang remeh. Semua pihak perlu bekerjasama agar masalah akhlak yang ringan tidak akan membarah menjadi jenayah yang berat.